

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 JANUARI 2024
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 35

JS-SEZ sumbang pelaburan RM636 bilion kepada IRDA

JS-SEZ sumbang pelaburan RM636 bilion kepada IRDA

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**
utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Pembentukan dan pelaksanaan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) mampu menjadi penyumbang kepada sasaran pelaburan terkumpul Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) sebanyak RM636 bilion pada 2030.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Dr. Badrul Hisham Kassim berkata, JS-SEZ akan membawa pelbagai peluang dan kelebihan kepada Iskandar Malaysia sebagai sebuah destinasi pelabur dan perniagaan asing dan tempatan.

Beliau berkata, pelaksanaan JS-SEZ dan juga Zon Kewangan Istimewa di Forest City, di sini akan turut membawa limpahan manfaat kepada pembangunan holistik di Iskandar Malaysia termasuklah aspek sosial dan alam sekitar.



JS-SEZ dan juga Zon Kewangan Istimewa di Forest City akan menyumbang kepada sasaran pelaburan terkumpul terbaharu wilayah ini iaitu sebanyak RM636 bilion pada 2030."

"IRDA sudah tentunya amat gembira dengan memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani Malaysia dan Singapura berkaitan JS-SEZ.

"Lonjakan ekonomi strategik ini adalah sejajar dengan Pelan

Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia (CDPiii) 2022 - 2030 dan dijangka memacu pencapaian sasaran sosio-ekonomi seperti pewujudan pekerjaan dan peningkatan purata pendapatan isi rumah di wilayah ini," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatnya, Lee Hsien Loong menyaksikan majlis menandatangani MoU oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Singapura (MTI), Gan Kim Yong berhubung pelaksanaan JS-SEZ.

Badrul Hisham memberitahu, JS-SEZ mampu meningkatkan kerjasama ekonomi dengan memanfaatkan momentum pelaburan terkini dan ini akan lebih memperkayakan penawaran bersama antara Malaysia dan Singapura.

Katanya, ini akan memberikan manfaat yang sangat besar

kepada Iskandar Malaysia dan pemegang-pemegang taruhnya serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Invest Johor dan rakan-rakan daripada pihak kerajaan dan swasta.

Jelasnya, IRDA akan menggunakan sepenuhnya peluang yang wujud daripada zon ekonomi ini untuk manfaat maksima ke arah menjadi metropolis bertaraf antarabangsa yang kukuh dan mampan.

"Iskandar Malaysia Investment Service Centre (IMISC), yang berada di bawah IRDA, akan terus menyelaras, memudah cara dan menjadi penghubung di antara para pelabur dan pelbagai agensi kerajaan yang memberikan kelulusan dan sudah bersedia untuk menyokong pelaksanaan pusat sehenti untuk JS-SEZ.

Kami amat berterima kasih kepada pihak Kerajaan Pusat dan negeri Johor di atas usaha untuk menjayakan pembentukan zon ekonomi ini.